
✓

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMK 214 – Kajian Teks Melayu Klasik Terpilih

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Dalam *Syair Sultan Maulana* penceritaanya adalah tentang angkatan laut Kedah membantu Siam berperang dengan Burma, taktik peperangan laut zaman silam, faktor-faktor yang menyebabkan angkatan laut Kedah berjaya dalam peperangan itu dan penderitaan yang ditanggung oleh rakyat semasa peperangan berlaku. Huraikan.
(25 markah)
2. Bincangkan dengan jelas watak-watak utama yang memainkan peranan penting dalam sejarah kota masing-masing:
 - a) Lambu Mangkurat dalam *Hikayat Banjar*
 - b) Raja Kecik Siak dalam *Tuhfat al-Nafis*
 - c) Laksamana dalam *Syair Sultan Maulana*
(25 markah)
3. Huraikan dengan jelas watak Tun Beraim Bapa dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*.
(25 markah)
4. Dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* dipaparkan cerita Raja Bersiung dan mitos Burung Geruda. Pilih **salah satu** watak-watak tersebut dan huraikan dengan jelas. Beri pendapat anda pengajaran yang terdapat di sebalik cerita ini.
(25 markah)
5. “Hang Tuah berasal dari seorang budak kampung pendalaman yang terpencil. Kepandaianya bermain senjata, taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Raja Melaka dan kepintarannya menipu orang untuk kepentingan dirinya. Beliau telah berjaya menjadi seorang pembesar Melaka yang masyhur sepanjang zaman”. Huraikan pernyataan di atas.
(25 markah)
6. Bincangkan watak Bendahara Paduka Raja (Tun Perak) dalam *Sejarah Melayu*.
(25 markah)
7. Kegemilangan dan keruntuhan sesebuah kerajaan dikaitkan dengan unsur-unsur “sebab dan akibat”. Pilih **salah satu** watak-watak berikut dan bincangkan dengan jelas.
 - a) Sultan Ahmad Perumudal Perumal dalam *Hikayat Raja-Raja Pasai*.
 - b) Sultan Mahmud Syah dalam *Sejarah Melayu*.
(25 markah)